

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MOHD FASIAH  
BIN MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

**TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang negara pada April 2018 dan terkini April 2020 serta nyatakan apakah langkah fiskal dan monetari yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menangani permasalahan bebanan hutang negara ini dan dalam masa yang sama memastikan pembangunan negara terus mapan dan golongan B40 terus terbela.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 2018 hingga Jun 2020 adalah seperti berikut:

Tempoh	Hutang Keseluruhan			Hutang Statutori[1]
	RM bilion	% kepada KDNK	% Bayaran Khidmat Hutang kepada Hasil	% kpd KDNK
2018	741.0	51.2	13.1	47.5
2019	793.0	52.5	12.5	48.7
Jun 2020	854.1	57.7	14.3 (anggaran 2020)	53.2

*Nota [1]: Berdasarkan Perintah Pinjaman (Tempatan) (Had Statutori Pinjaman) dan Pendanaan Kerajaan (Had Statutori Wang Yang Diterima) 2009 [P.U (A) 241/2009], had statutori hutang sebanyak 55% daripada KDNK hanyalah meliputi hutang terkumpul bagi instrumen MGS, MGII dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) sahaja.*

2. Secara amnya, hutang Kerajaan Persekutuan akan meningkat setiap tahun selagi kedudukan kewangan Kerajaan berada dalam kedudukan defisit. Oleh yang demikian, pada Jun 2020, hutang Kerajaan Persekutuan telah meningkat kepada RM854.1 bilion atau 57.7% kepada KDNK, sebahagian besarnya untuk membiayai pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi. Berdasarkan pengiraan had statutori, nisbah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan kepada KDNK berada pada paras 53.2%, iaitu masih di bawah had statutori 55% KDNK yang ditetapkan. Dalam masa yang sama, Kerajaan berupaya untuk membayar komitmen hutang mengikut masa yang ditetapkan, di mana bayaran khidmat hutang

merupakan 14.3% daripada jumlah hasil, iaitu kurang daripada had 15% yang ditetapkan secara dalaman.

3. Kerajaan akan terus membuat pinjaman baharu setiap tahun bagi membiayai semula kertas hutang yang matang dan menampung perbelanjaan pembangunan seperti pembinaan sekolah, hospital dan jalan. Bagi tahun 2020, pinjaman tambahan yang dibuat juga adalah untuk membiayai pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi. Kesemua ini menjadi pelaburan untuk jangka masa panjang demi kesejahteraan rakyat. Kerajaan juga kekal komited dalam agenda pembangunan negara dan akan memastikan keseimbangan pembangunan tidak terjejas dalam usaha mengurangkan hutang Kerajaan.

4. Dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan terkawal dan terurus, Kerajaan akan meneruskan langkah pengukuhan dan konsolidasi fiskal secara beransur-ansur sebaik sahaja krisis ekonomi ini berakhir dan ekonomi kembali pulih. Situasi semasa turut menunjukkan betapa perlunya Kerajaan meluas dan mempelbagaikan asas percukaian negara supaya tidak terlalu bergantung kepada hanya cukai langsung dan hasil berasaskan petroleum. Selain itu, Akta Kebertanggungjawaban Fiskal (*Fiscal Responsibility Act*) dijangka akan dibentangkan pada 2021 untuk mengukuhkan tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan fiskal. Dalam masa yang sama, Kerajaan perlu mengutamakan pinjaman dalam negeri bagi memastikan risiko tukaran wang asing dan kos pinjaman yang lebih rendah. Pematuhan kepada disiplin fiskal ini adalah penting bagi memastikan kedudukan kewangan negara kekal kukuh serta meningkatkan ruang fiskal pada masa hadapan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

5. Dari aspek monetari, Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa memastikan kedudukan mudah tunai yang mencukupi di dalam sistem kewangan. Bagi mengukuhkan kedudukan sistem kewangan, BNM telah melaksanakan beberapa langkah monetari untuk meningkatkan lebihan mudah tunai di dalam sistem tersebut. Langkah ini telah memastikan

pasaran kewangan terutamanya pasaran bon berada dalam keadaan teratur dan memudahkan Kerajaan untuk menerbitkan bon dan memperoleh dana pada kadar hasil yang kompetitif dan seterusnya akan meringankan bebanan perbelanjaan khidmat hutang kerajaan.

6. Antara langkah yang telah dilaksanakan oleh BNM adalah penurunan kadar Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR) sebanyak 100 mata asas daripada 3.00% kepada 2.00% pada bulan Mac dan Mei 2020. Institusi perbankan juga diberikan fleksibiliti melalui pengiktirafan Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia sebagai sebahagian daripada pematuhan SRR. Sehubungan itu, untuk memastikan pasaran bon domestik berada dalam keadaan teratur, BNM turut mengambil bahagian di dalam pembelian bon dalam pasaran sekiranya diperlukan dalam keadaan-keadaan yang tertentu. Secara keseluruhan, langkah ini telah menambah mudah tunai sebanyak RM54 bilion ke dalam sistem perbankan.

7. Selain itu, BNM juga telah menurunkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 125 mata asas daripada 3.00% ke 1.75% dalam masa 7 bulan pertama 2020. Penurunan OPR ini merupakan paras terendah sejak tahun 2004. Berturutan pengurangan OPR bertujuan terutamanya untuk menyokong menambahbaikan kegiatan ekonomi serta memberikan rangsangan dasar tambahan untuk mempercepat kadar pemulihan ekonomi.

**Tuan Yang di-Pertua,**

8. Kerajaan sedar bahawa perhatian juga perlu diberikan untuk membantu mengurangkan beban kewangan golongan isi rumah berpendapatan 40% terendah. Antara langkah-langkah sedia ada yang telah diambil oleh Kerajaan bagi membantu mengurangkan beban kewangan mereka termasuklah:

- a. Meningkatkan liputan dan kualiti pengangkutan awam di bandar mahupun di luar bandar;

- b. Menanggung sebahagian besar kos persekolahan di sekolah Kerajaan dan kos pengajian di institusi pengajian tinggi awam;
- c. Memberi pelbagai pinjaman dan biasiswa untuk pelajar melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam atau swasta;
- d. Meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan di hospital dan klinik Kerajaan yang berkualiti kepada rakyat dengan sebahagian besar kos ditanggung oleh Kerajaan;
- e. Meningkatkan bilangan rumah mampu milik;
- f. Menambah baik kriteria penerima Bantuan Sara Hidup (BSH); dan
- g. Skim perlindungan kesihatan MySalam serta Skim Peduli Kesihatan (PeKa B40).

**Tuan Yang di-Pertua,**

9. Di samping itu, berikutan pandemik Covid-19, Kerajaan turut memperkenalkan langkah-langkah baharu menerusi pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi untuk meringankan beban kewangan yang dialami oleh rakyat terutamanya golongan mudah terjejas. Langkah-langkah yang telah diumumkan oleh Kerajaan telah memberi faedah kepada kumpulan pendapatan isi rumah B40 termasuklah moratorium bayaran balik pinjaman oleh institusi perbankan mengikut syarat dan tempoh tertentu, moratorium pinjaman Pendidikan PTPTN, bantuan tunai secara *one-off* iaitu Bantuan PRIHATIN Nasional untuk isi rumah dan individu berumur 21 tahun ke atas pada kadar tertentu serta pemberian diskaun bil elektrik kepada semua pengguna domestik.

Sekian, terima kasih.